

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Sunday, July 8, 2018 2:47 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: DEKHAN 2018 Martabat Bahasa Melayu



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

8 JULAI 2018 / 24 SYAWAL 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Seksyen Media
Gambar oleh: Ihsan SOL

DEKHAN 2018 MARTABAT BAHASA MELAYU



UUM ONLINE: Bangi - Pertandingan Debat Bahasa Melayu, Undang-Undang Dan Masyarakat Piala Ketua Hakim Negara (DEKHAN 2018) berupaya memartabatkan Bahasa Melayu dalam kalangan bakal pengamal undang-undang.

Bertemakan Undang-Undang dan Masyarakat, pertandingan anjuran Fakulti Undang-Undang UKM dan Tetuan Yusfarizal, Aziz dan Zaid dengan kerjasama Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia berlangsung di Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), baru-baru ini.

Pasukan Debat UKM dinobatkan sebagai Johan dan Naib Johan dirangkul Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) masing-masing membawa pulang hadiah wang tunai

RM3,000.00 dan RM 1,500.00 yang disampaikan oleh Yang Amat Arif Tun Raus Sharif, Ketua Hakim Negara Malaysia.

Pasukan Debat Bahasa Melayu UUM merangkul tempat ketiga di peringkat separuh akhir dengan hadiah wang tunai RM500, sijil dan trofi yang dikongsi bersama Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

Pasukan Debat Bahasa Melayu UUM dibarisi Pelajar Ijazah Sarjana Muda Undang Undang, Nurul Fazilah Ayob, Farah Hanim Fadzil, Nur Adirah Abdul Manaf dan Dk Afiqah Alya Ak Johari @ Pg Johari.

Menurut peserta, Nurul Fazilah Ayob, debat merupakan satu diskusi untuk melontarkan pendapat, membidas pendapat pihak lawan yang memberi pengetahuan dan isu semasa.

Ujarnya, peserta terdiri dari pelajar undang undang dari setiap universiti yang memberi saingan sengit serta tajuk yang mencabar seperti 'Hak Asasi Seorang Penjenayah Adalah Fatamorgana' dan 'Demi Kemanusiaan, Undang Undang Boleh Diketepikan'.

Jelasnya, pertandingan ini mempunyai empat pusingan awal dengan memenangi dua pusingan sekali gus melayakkan pasukan UUM muncul ke separuh akhir bertemu Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

"Ketika mara ke semi final rasa bersyukur kerana dapat belajar perkara baru dan menerima segala komen untuk memperbaiki mutu persembahan pada masa akan datang," katanya.

Nurul giat menyertai pertandingan debat yang dianjurkan apatah lagi Unit Debat, Advokasi dan Oratori Jabatan Hal Ehwal Pelajar sentiasa menyuntik semangat sehingga pernah dinobatkan sebagai Juara Debat Piala Dekan, Piala Penolong Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor di UUM.

"Debat mengajar saya bercakap di khalayak ramai dengan penuh yakin, intonasi bercakap juga akan meningkat sebab tujuan utama berdebat kita mahu idea kita didengari sebab itu kita perlu berdebat dalam bahasa yang senang difahami.

"Untuk menjadi pendebat, yang paling penting ialah isu dan pengetahuan jadi semakin banyak kita membaca kita boleh kupas sesuatu isu dengan lebih baik, fakta yang tepat dan info yang menarik," luahnya.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.